



**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA
KENYATAAN TAWARAN**

1. Tawaran daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar di **Negeri Kedah** sahaja mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)] dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan akan diterima di **Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek, Ibu Pejabat MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman** pada **19 Mac 2026** sehingga jam 12:00 tengahari.

BUTIRAN SEBUTHARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
MEMBINA DAN MENAIKTARAF LINTASAN LADANG DARI LIGHT TRAFFIC BRIDGE (LTB) KE MEDIUM TRAFFIC BRIDGE (MTB) DI SUNGAI PADANG KERBAU, KAMPUNG BUKIT SEKECHONG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, BLOK PENGAIRAN CCRBD 8, PPK D-III, TITI HAJI IDRIS, WILAYAH III, MADA. [SEBUTHARGA NO. MADA(SH)/BPPP/P/11/2026]	12 Mac 2026 (Khamis) Jam 10.00 pagi Pendaftaran : Jam 9.00 pagi hingga 9.45 pagi Berkumpul di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Silatur-Rahim, MADA D-III, Titi Haji Idris, 06500 Langgar, Kedah Darul Aman Lawatan Tapak adalah WAJIB kepada pemilik sahaja dengan membawa bersama sijil/lesen ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat lawatan tapak.	Gred G2 Kategori CE Pengkhususan CE02, CE21 & CE36 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan) dan Sijil Pematuhan Cukai Tahun 2026 (Tax Compliance Certificate – TCC) Berstatus Patuh	RM 10 (Satu Set) Bayaran tidak dikembalikan	19 Mac 2026 (Khamis) Jam 12.00 tengahari


2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek, Ibu Pejabat MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman** mulai **12 Mac 2026 (Khamis)** sehingga **19 Mac 2026 (Khamis)** sehingga jam 12:00 tengahari pada waktu dan hari bekerja.
3. Kontraktor yang ingin membeli Dokumen Tawaran dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera** serta **Sijil Pematuhan Cukai** untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.

4. Dokumen Tawaran juga boleh dibeli oleh wakil kontraktor yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen-dokumen yang disebutkan dalam Perkara 3.
5. Bayaran untuk membeli Dokumen Tawaran boleh dibuat dengan kaedah seperti berikut:
 - a. Pembayaran secara tunai; ATAU
 - b. Pembayaran atas talian

Pembayaran melalui cek tidak akan diterima.

6. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor sebutharga dan memasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek, Ibu Pejabat MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman**. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh : 8.3.2026

Tandatangan : 
Nama : Ir. MOHD FARIZAN BIN MOHD YUSOF
Jawatan : Pengerah
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
(MADA)